

ANIH BERHAD BERI DISKAUN TOL 10% KELUARKAN CADANGAN WAKTU PERJALANAN (TTA) SEMPENA DEEPAVALI

- **TTA disediakan untuk membantu menyuraikan trafik dan mengurangkan kenderaan bertembung pada sesuatu masa yang sama di plaza tol.**
- **Khidmat tambah nilai di lorong tol akan ditutup sekiranya trafik mulai padat.**

Kuala Lumpur, 11 Oktober 2017 - ANIH Berhad, pemegang konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) menawarkan diskaun tol sebanyak 10 peratus kepada pengguna lebuh raya, sempena perayaan Deepavali.

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Nik Hussein berkata, pemberian diskaun itu adalah sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya kepada pengguna KLK dan LPT1.

"Bagi memeriahkan lagi sambutan Deepavali tahun ini, Syarikat menawarkan diskaun tol 10% yang akan diberikan kepada semua kelas kenderaan berkuat kuasa pada 18 Oktober, mulai jam 12.01 tengah malam hingga jam 11.59 malam hari yang sama," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur semalam.

Sementara itu, Dato' Nik Fauzi berkata Syarikat turut mengeluarkan Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) sebagai rujukan pengguna untuk merancang perjalanan pulang ke pantai timur sempena cuti Deepavali.

Beliau berkata, TTA ini disediakan untuk membantu menyuraikan trafik dan mengurangkan kenderaan bertembung pada sesuatu masa yang sama, khususnya pada waktu puncak di plaza tol, terutama di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak hingga menyebabkan kesesakan.

Waktu-waktu puncak di mana trafik dijangkakan membanjiri Lebuhraya KLK & LPT 1 sempena cuti Deepavali adalah pada 17 Oktober dan 22 Oktober dengan kemungkinan tempoh masa antara jam 10 pagi hingga 12 tengah hari (untuk trafik menghala ke Pantai Timur) dan antara jam 5 petang hingga 9 malam (untuk trafik menghala ke arah Kuala Lumpur).

"Sehubungan itu, kami menyarankan pengguna dari Lembah Klang yang menuju ke Pahang pada 17 Oktober 2017 untuk memilih sama ada memasuki KLK dan LPT 1 pada jam 12 tengah hari hingga 3 petang ATAU antara 7 malam hingga 11 malam. Pengguna yang ingin menuju ke Terengganu dan Kelantan pada tarikh yang sama pula boleh memulakan perjalanan antara jam 6 pagi hingga 10 pagi ATAU jam 5 petang hingga 8 malam," katanya.

Dato' Nik berkata, untuk kembali semula ke ibu kota pada 22 Oktober 2017, pengguna dari Pahang boleh memilih sama ada untuk memulakan perjalanan antara jam 6 pagi hingga 10 pagi ATAU antara 7 malam hingga 11 malam. Pada tarikh yang sama, pengguna dari Terengganu pula disarankan untuk memasuki lebuh raya antara jam 8 pagi hingga 12 tengah hari ATAU antara 8 malam hingga 10 malam, manakala pengguna dari Kelantan boleh menggunakan lebuh raya bermula jam 6 petang hingga 10 malam ATAU antara 9 malam hingga 12 tengah malam.

Beliau berkata, seperti mana musim perayaan sebelumnya, pengguna yang ingin menuju ke pantai timur boleh mendapatkan jadual TTA di laman web ANIH Berhad atau mengikuti Twitter @LPTTrafik dan Facebook Lebuhraya Pantai Timur.

Dato' Nik berkata, Syarikat juga ingin memaklumkan bahawa Lebuhraya KLK dan LPT 1 telah melaksanakan kaedah pembayaran tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya. Oleh itu, pengguna dinasihatkan sentiasa memastikan baki kad Touch 'n Go (TnG) mencukupi sebelum memulakan perjalanan.

"Perkhidmatan tambah nilai kad di lorong tol akan ditutup sekiranya trafik mulai padat bagi mengelak berlakunya kesesakan di plaza tol. Sekiranya ingin membuat tambah nilai atau membeli kad TnG, pengguna boleh melakukannya di Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) di sepanjang KLK dan LPT 1 iaitu di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong, Plaza Tol Karak, Plaza Tol Temerloh dan Plaza Tol Kuantan dari jam 7 pagi-10 malam setiap hari.

"Syarikat turut menyediakan kios layan diri atau Self-Service Kiosk di Hentian Sebelah Gombak (arah barat), Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Genting Sempah, R&R Temerloh (arah timur dan barat) dan di Plaza Tol Gambang," katanya.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat
fazlyaton.hussein@alloymtd.com
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Naib Presiden, Komunikasi Korporat
farizal.hajat@alloymtd.com
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat
sofia.roseli@alloymtd.com

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat

AlloyMtd Group

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6188 0101 Website : www.alloymtd.com